

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA MPSP  
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SISA SIFAR  
5 OKTOBER 2013(SABTU), JAM 9 PAGI  
GUPPY PLASTIC INDUSTRIES SDN BHD  
KAWASAN PERUSAHAAN BUKIT TENGAH**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Tan Teik Huat**  
Pengurus Kilang Guppy Plastic Industries Sdn Bhd

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Dihormati Ketua-Ketua Jabatan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....  
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**  
**Salam Sejahtera dan Selamat Pagi**

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya bagi merasmikan pelancaran Program Sisa Sifar Guppy Plastic pada hari ini yang berlangsung di Guppy Industries Sdn Bhd, Kawasan Perusahaan Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Hadirin sekalian,

Sisa Sifar merupakan satu sistem kitaran semula semua material untuk kegunaan yang produktif serta tiada pembaziran. Program ini diadakan bagi menggalakkan pengurusan dan reka bentuk produk yang dapat mengurangkan penghasilan jumlah sisa toksik, pemuliharaan dan pemeliharaan sumber serta tidak menggalakkan pelupusan sisa dengan melakukan pembakaran mahupun dengan menanamnya. Sisa sifar juga menggalakkan amalan pengkomposan dan menggunakan sisa buangan yang berguna dengan sebaik mungkin. Pendekatan sisa sifar juga dapat mengurangkan jumlah bahan buangan yang dibuang ke satu-satunya tapak pelupusan di Pulau Pinang (Pulau Burung). Kos pelupusan sampah dikenakan sebanyak RM50.00 bagi setiap 1 tan sampah. Manakala kos yang dikenakan untuk mengangkut sampah pukal juga sebanyak RM50.00/trip.

Hadirin sekalian,

Program Sisa Sifar atau *Zero Waste* adalah satu usaha bagi memastikan tiada sisa basah dibuang secara terbuka dan tidak teratur. Sisa akan diasingkan bagi tujuan pengkomposan atau biogas selain untuk tujuan kitar semula pepejal. Terdapat beberapa kebaikan, kesan daripada

pelaksanaan program ini. Antara kebaikannya ialah dapat menghindarkan bau dan *pest* seperti anjing dan kucing liar, lalat, gagak, serangga dan lain-lain. Aktiviti seumpama ini dapat mengurangkan risiko terhadap pencemaran air, bau dan landskap. Ini adalah sebahagian usaha dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Jika kita bertindak selaras dengan konsep 4R iaitu *Rethink*, *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle*, kita secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan pemanasan global dan pencemaran alam sekitar secara amnya.

Hadirin sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertindak sebagai fasilitator dalam program kitar semula, akan sentiasa menjadi *match maker* bagi menjana ekonomi setempat melalui guna semula bahan buangan atau sampah. Sebenarnya tiada sampah dalam erti kata lain, ia hanya sisa buangan yang tidak digunakan dan diletakkan di tempat yang tidak sesuai.

Justeru, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan institusi yang membantu mewujudkan kesedaran 4R untuk

mencapai hasrat kerajaan negeri menjadikan Pulau Pinang bersih, hijau, selamat dan sihat.

Hadirin sekalian,

Guppy Industries Sdn Bhd telah mengambil inisiatif menggunakan plastik terbang bagi membuat pasu bunga bagi membantu keceriaan bandar. Pada tahun 2012, beberapa program pemberian pasu bunga telah dilaksanakan di Jalan Ong Yi How, Butterworth, Taman Mutiara dan Taman Desa Permai, Bandar Sunway, Taman Bayu Mutiara, Taman Bukit Minyak, Pekan Nibong Tebal dan Sungai Bakap. Pada tahun ini sekali lagi Guppy memberi sumbangan pasu bunga bagi 84 buah sekolah yang menyertai anugerah sekolah hijau. Terima kasih dan syabas diucapkan pada Guppy Industries Sdn Bhd atas usaha tersebut. Pada hari ini Guppy Industries Sdn Bhd mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan kesan 'carbon foot prints' melalui pekerja-pekerjanya. Tindakan murni Guppy Industries Sdn Bhd ini boleh menjadi contoh kepada pengusaha industri yang lain untuk dipraktikkan bersama demi kebaikan sejagat.

Hadirin yang dihormati,

Jutaan terima kasih kepada Guppy Industries Sdn Bhd atas sumbangan 'poncho' kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai, JKKK Bukit Tengah, Pertahanan Awam, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia SPT dan Pasukan Peronda Sukarela untuk dipakai semasa hujan amat dialukan-alukan. Sebanyak 595 helai poncho disumbangkan hari ini. Untuk makluman hadirin sekalian, Guppy Industries Sdn Bhd telah menyumbangkan sebanyak 3017 pasu bunga bagi Program Keceriaan Bandar dan Anugerah Sekolah Hijau. Sebanyak 2169 buah pasu pada tahun 2012 dan sebanyak 848 buah pasu pada tahun 2013.

Hadirin sekalian,

Sekali lagi diucapkan syabas kepada Guppy Industries Sdn Bhd atas usaha murni ini. Moga usaha murni Guppy Industries Sdn Bhd ini mendapat perhatian syarikat-syarikat lain untuk turut sama menyertai Program Sisa Sifar ini. Dengan ini saya merasmikan Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar Guppy Plastic Industries Sdn Bhd.

Sekian, terima kasih.